

NO. SOALAN: 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN NG WIE AIK
(TANJUNG)
TARIKH : 20 MAC 2018 (SELASA)
SOALAN :

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah wang ehsan yang telah diedarkan dan bilangan penerima bantuan mengikut daerah bagi mangsa mangsa banjir besar yang berlaku di negeri Pulau Pinang pada 4 dan 5 November 2017. Nyatakan bilangan mangsa yang tidak diberikan bantuan wang ehsan oleh Kerajaan Persekutuan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Pulau Pinang telah dikejutkan dengan bencana banjir buruk pada 4 dan 5 November yang menyaksikan 76 buah Pusat Pemindahan dibuka untuk menempatkan 11,600 mangsa yang terjejas.

Bantuan bencana khas (wang ihsan) daripada Kerajaan Persekutuan pula telah mula diagihkan pada 11 Mac 2018 di Parlimen Nibong Tebal manakala penyerahan bantuan di Parlimen Tanjong, Bukit Mertajam dan Batu Kawan telah diadakan pada 17 Mac 2018 (Sabtu) yang lalu manakala kawasan-kawasan lain akan diselesaikan di dalam bulan Mac 2018 ini juga.

**PERAKUAN BANTUAN KHAS WANG IHSAN MANGSA
BENCANA BANJIR NEGERI PULAU PINANG KEJADIAN 2017**

| BIL. | PARLIMEN | NILAI BANTUAN (RM)/ KELUARGA | JUMLAH KELUARGA | RM |
|---------------|-----------------|---|----------------------------|--------------------|
| 1 | KEPALA BATAS | 250.00 | 1,746 | RM 436,500 |
| 2 | TASEK GELUGOR | 250.00 | 6,437 | RM1,609,250 |
| 3 | BAGAN | 250.00 | 1,286 | RM321,500 |
| 4 | PERMATANG PAUH | 250.00 | 4,101 | RM1,025,250 |
| 5 | BUKIT MERTAJAM | 250.00 | 1,551 | RM387,750 |
| 6 | BATU KAWAN | 250.00 | 2,043 | RM510,750 |
| 7 | NIBONG TEBAL | 250.00 | 311 | RM77,750 |
| 8 | BUKIT BENDERA | 250.00 | 196 | RM49,000 |
| 9 | TANJONG | 250.00 | 249 | RM62,250 |
| 10 | JELUTONG | 250.00 | 1,709 | RM427,250 |
| 11 | BUKIT GELUGOR | 250.00 | 347 | RM86,750 |
| 12 | BAYAN BARU | 250.00 | 266 | RM66,500 |
| 13 | BALIK PULAU | 250.00 | 1,306 | RM326,500 |
| JUMLAH | | | 21,548 | RM5,387,000 |

63

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI
PANGLIMA JOSEPH PAIRIN
KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 20.3.2018 (SELASA)

SOALAN : 32

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bolehkah peruntukan yang disalurkan daripada Kementerian berkenaan ke agensi-agensi tertentu di Sabah disalurkan terlebih dahulu kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar Negeri Sabah bagi memudahkan pemantauan dan penyeliaan yang lebih berkesan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, projek-projek prasarana luar bandar masih perlu dilaksanakan oleh KKLW melalui Pejabat KKLW Negeri adalah kerana sebab-sebab berikut:

- 1) Pelaksanaan projek-projek tersebut adalah dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan. Projek-projek tersebut telah dikenal pasti dan diperuntukkan daripada RMKe-11 dan Bajet 2018 yang dibentangkan dan diluluskan di Parlimen;
- 2) Ketua Setiausaha KKLW selaku Pegawai Pengawal di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] perlu menentukan peruntukan yang diperuntukkan dalam bajet dan perbelanjaan adalah teratur. Oleh itu, Pejabat KKLW Negeri adalah bertanggungjawab terhadap hal-hal perolehan dan sebagainya. Sekiranya terdapat sebarang inkuiri audit atau Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (*Public*

Accounts Committee) ditubuhkan, KKLW adalah yang bertanggungjawab dan bukannya agensi Kerajaan Negeri.

KKLW turut mempunyai kerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Sabah melalui penubuhan Jawatankuasa Tertinggi Bersama Perancangan dan Pemantauan Projek Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di Sabah yang dipengerusikan secara bersama oleh YB Menteri KKLW dan YAB Ketua Menteri Sabah.

Jawatankuasa ini ditubuhkan bertujuan sebagai:

- a) Satu forum bagi menyelaraskan segala perancangan dan dasar pembangunan luar bandar di Negeri Sabah;
- b) Meningkatkan kerjasama yang lebih rapat antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sabah dalam hal-hal berkaitan dengan perancangan dan pemantauan projek pembangunan di kawasan luar bandar;

- c) Satu mekanisme penyelarasan pelaksanaan projek yang berkesan dan memberi manfaat kepada golongan sasar; dan
- d) Satu forum untuk memantau prestasi program dan projek pembangunan luar bandar dan menyelesaikan isu-isu pelaksanaan terutama dalam penentuan dan pengambilan balik tanah.

Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dan saling lengkap melengkapi dalam menyelaraskan dan memantau projek pembangunan luar bandar di bawah peruntukan KKLW kerana ia dapat menjalinkan hubungan baik antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sabah sekaligus memberi manfaat kepada Negara.